

22 MAC 2018

Polis serbu makmal, rampas dadah RM3 juta

JENAYAH

Polis serbu makmal, rampas dadah RM3 juta

Georgetown: Polis Pulau Pinang berjaya membongkar sebuah makmal memproses dadah di sebuah kondominium di Greenlane di sini, dan merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM3 juta, pada Isnin lalu.

Ketua Polis negeri, Datuk A Thaiveegan, berkata dalam serbuan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Pulau Pinang pada jam 7.30 malam itu, polis menahan empat lelaki berusia 25 hingga 54 tahun, dipercayai dalang kegiatan itu.

"Ketika serbuan, kita menemui dan merampas minyak methamphetamine, 128 gram syabu,

590 biji pil ecstasy dan 144 gram heroin, selain bahan kimia serta peralatan memproses dadah.

"Nilai rampasan dianggarkan RM3 juta. Kita turut menyita rumah berkenaan dan sedang menyasat pemilik sebenar kediaman itu," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini, semalam.

Rekod jenayah lampau

Thaiveegan berkata, empat lelaki yang ditahan dalam serbuan adalah rakan karib yang turut mempunyai beberapa rekod jenayah dan kes dadah lampau.

Beliau berkata, polis percaya sindiket berkenaan beroperasi sejak enam bulan lalu dan menghasilkan dadah bagi pasaran beberapa negeri berhampiran.

"Semua suspek direman tujuh hari sehingga Isnin depan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Polis akan mengesan saki baki anggota sindiket itu," katanya.

Sementara itu di **Gombak**, hampir dua tan dadah bernilai RM50.16 juta di rampas Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam pelbagai operasi dan serbuan dijalankan sejak Januari lalu hingga semalam.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh, berkata jumlah itu membabitkan ganja sebanyak 1,145 kilogram (kg), syabu (607 kg), heroin (107 kg), pil eramin 5 (62 kg), ekstasi (28 kg), pil yaba (11 kg) dan ketamin 10 kg.

Penuhi keperluan 200 juta penagih

"Paling banyak dirampas dalam operasi dan serbuan adalah ganja yang keseluruhannya seberat satu tan bernilai RM22 juta.

"Semua dadah ini bagi keperluan 200 juta penagih dadah berdasarkan satu kali pengambilan,"

katanya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, semalam.

Mohamad Salleh berkata, sepanjang tempoh itu juga, PDRM sudah menangkap 35,116 individu terbit dadah iaitu 5,587 individu kerana mengedar bekalan dadah; 13,548 individu kerana memiliki dadah dan 15,981 individu kerana positif dadah.

"Menerusi tangkapan ini, 33,021 adalah warga tempatan, manakala 2,095 adalah warga asing dan 220 tangkapan lagi dibuat mengikut Akta Dadah Berbahaya (ADB) Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK)," katanya.